



أكاديمية الفنون
AKADEMI SENI KEBANGSAAN

mempersembahkan

SYAKUNTALA

karya

arahan

KALIDASA • WISRAN HADI

Syakuntala

KARYA **KALIDASA** • ARAHAN **WISRAN HADI**

T A R I K H D A N M A S A

10, 11, 12 Oktober 2001 : 8.30 malam
13 Oktober 2001 : 3.00 petang dan 8.30 malam

T E M P A T

Auditorium Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur

Kata Alu-aluan

Akademi Seni Kebangsaan (ASK) mula menawarkan latihan dalam bidang seni pada tahun 1994. Tujuh tahun adalah satu tempoh yang singkat untuk menilai pencapaian sesebuah institusi pengajian tinggi apatah lagi ASK merupakan satu-satunya akademi seni seumpamanya di negara ini. Namun dalam masa yang singkat ini, komitmen Kerajaan khususnya Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan di dalam menyediakan golongan terlatih dalam bidang seni melalui ASK nyata mula membuah hasil. Sehingga kini ASK telah mempunyai tiga kumpulan graduan yang pada masa ini kian mencipta nama sama ada sebagai pelakon, pengarah teater, penggubah lagu, penulis lirik, penari, koreografer, pemuzik dan sebagainya. Industri seni tanah air terus menyemarak dan kian diwarnai oleh golongan pelapis yang dilatih di institusi ini.



Bagi memenuhi matlamat program teater, ASK mengengahkan kira-kira sepuluh produksi teater setiap sesi pengajian yang bertujuan untuk menyediakan kepelbagaian pengalaman melalui keterlibatan para pelajar. Setiap pementasan dibuka untuk tontonan umum bagi dinilai dan dihayati bersama. Setiap pandangan oleh khalayak diambil secara positif dan dijadikan panduan di dalam usaha untuk memperbaiki kelemahan dan sebagai proses pembelajaran yang penting untuk pelajar.

Syakuntala adalah produksi teater klasik ketujuh dipentaskan oleh para pelajar ASK dan percubaan pertama untuk mengangkat skrip klasik dari Benua Asia ke pentas. Produksi ini diharap akan mampu memancarkan citra dan perjuangan ASK kepada khalayak. Syabas, tahniah dan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjayakan produksi ini khususnya kepada Bapak Wisran Hadi, Pengarah Syakuntala, serta semua tenaga pengajar di institusi ini yang masing-masing memainkan peranan yang amat penting di dalam mengisi kekosongan dan kehausan ilmu pelajar-pelajar institusi ini.

Terima kasih.

NORLIZA ROFLI

Pengarah

AKADEMI SENI KEBANGSAAN



SYAKUNTALA

Kata Sambutan

Selepas beberapa kali mengangkat naskhah klasik Yunani dan karya Shakespeare, Akademi Seni Kebangsaan (ASK) kali ini menoleh ke Timur untuk menggali dan memperkenalkan pula naskhah-naskhah klasik yang tidak kurang hebat dari segi nilai mutunya. India misalnya, merupakan antara negara yang sangat tua sejarah peradabannya dan kaya dengan warisan keseniannya. Sama ada kesenian itu dalam bentuk teater, tari, muzik, seni tampak atau seni bina, tradisinya sangatlah unik, menarik, murni dan asli.



Kesempatan melalui siri Produksi Teater Klasik ini digunakan untuk mengetengahkan naskhah klasik karya tokoh dramanya, Kalidasa berjudul SYAKUNTALA. Beliau yang dikatakan pernah hidup antara abad pertama dan kelima Masehi merupakan tokoh drama India yang tidak perlu diperkenalkan lagi, kerana karyanya sudahpun tersebar hingga ke seluruh pelusuk dunia. Selain daripada jelas berciri klasik, drama ini juga mempunyai segala elemen teater yang menarik dan mengagumkan, melayakkannya disenaraikan sebagai sebuah karya agung.

Melalui produksi SYAKUNTALA ini para pelajar ASK diharap akan dapat memanfaatkan pengetahuan dan pengalaman mereka tentang naskhah klasik India, untuk dibuatkan perbandingan dengan karya-karya klasik dari negara Asia yang lain, seperti Cina dan Jepun. Semoga ilmu teori dan praktis yang dilalui itu akan membantu mempertingkatkan kemahiran mereka dalam kursus yang diikuti. Semoga berjaya.

ZAKARIA ARIFFIN

Ketua Program Teater
Akademi Seni Kebangsaan

Catatan Pengarah

Sebagai sebuah karya yang berusia hampir 2000 tahun, SYAKUNTALA tidak hanya masyhur kerana status klasiknya. Naskhah ini menjadi agung kerana memperkatakan pelbagai persoalan di dalamnya, yang tetap relevan dengan kehidupan manusia sepanjang zaman. Antaranya ialah tentang perkahwinan antara "kasta" yang berbeza, perbezaan "kelas" antara orang-orang yang berkuasa dengan rakyat marhaen di desa, serta persoalan sumpah atau amanah yang dilanggari.



SYAKUNTALA yang dilatari oleh budaya India menjadikan produksi ini sangat menarik, terutama apabila merujuk kepada seni lukis tempera dan dua dimensinya, seni tari dan muziknya. Berdasarkan pada konsep seni inilah saya mengarahkan SYAKUNTALA, bagi memastikan hubungan antara cerita dan latar budayanya mempunyai hubungan yang jelas. Dalam konteks ini, asas pada lukisan-lukisan India kuno, lukisan dekoratif Bali, wayang kulit, gerak tari Bali dan muzik gamelan telah saya jadikan sebagai sumber rujukan.

Sebagai pengarah produksi ini saya berasa sangat beruntung kerana mendapat segala kemudahan dan sokongan daripada kerabat Akademi Seni Kebangsaan. Apalagi para pelajar dan graduannya yang terlibat ternyata mempunyai asas yang sangat baik dalam teater.

Justeru itu saya dapat memberikan tumpuan kepada aspek pementasan dengan menerapkan konsep dan pola teater tradisional wayang kulit. Daripada proses latihan yang dilalui, saya mengharapkan akan berlaku pertukaran pengalaman antara metode latihan yang saya miliki dari Indonesia, dengan apa yang telah dipunyai oleh para pemain di sini. Semoga timbul semacam keinginan untuk satu sama lain memahami dan saling melengkapi, baik untuk pendidikan mahupun perkembangan teater itu sendiri.

WISRAN HADI

Pengarah Teater SYAKUNTALA



SYAKUNTALA

Penerangan Teater

SYAKUNTALA merupakan sebuah lagi karya yang dipentaskan oleh Akademi Seni Kebangsaan (ASK) dalam siri Produksi Teater Klasik. Ini merupakan tradisi ASK sebagai sebahagian daripada proses pembelajaran, khususnya bagi para pelajar dalam Program Teater (Modul Pengarahan). Bagaimanapun, jika dilihat sejarahnya, produksi seperti ini selalunya melibatkan para pelajar daripada kesemua Program, baik kerana keperluan kursus (wajib), elektif ataupun semata-mata kerana minat untuk ikut serta. Pementasan kali ini turut melibatkan beberapa orang lulusan dan pensyarah institusi ini.

Sejak ditubuhkan tujuh tahun lalu, ASK telah mementaskan sebanyak enam buah drama dalam siri Produksi Teater Klasik, iaitu Paduka Oedipus (Sophocles), Ribut, Midsummer Night's Dream, Hamlet, Macbeth (Shakespeare) dan Medea (Euripides). Selepas membawa karya-karya klasik dari tradisi Yunani dan Elizabethan, kali ini Program Teater memilih pula sebuah naskhah agung daripada tradisi Sanskrit, hasil karya Kalidasa. Peralihan ke arah benua kecil India ini memperlihatkan percubaan ASK untuk mengangkat pula mahakarya dari kawasan Timur, yang tidak kurang hebat dari segi mutu dan nilai estetikanya. Barangkali selepas ini ASK akan cuba melihat karya-karya klasik dari negara China dan Jepun pula.

Berbeza dengan tragedi-tragedi Yunani, Syakuntala membawa plot kisah klasik yang agak tipikal, dengan episod-episod pengembaraan, percintaan sejati, dugaan, perpisahan, pencarian identiti dan pertemuan semula yang menggembirakan, berakhir dengan kehidupan "aman bahagia dan kekal selama-lamanya".

Antara objektif Produksi Teater Klasik ini ialah:

- menilai kemampuan para pelajar mengendalikan sebuah produksi dari segi pengurusan dan kreatif, di bawah bimbingan individu (tenaga pengajar) yang berpengalaman;
- mengangkat karya-karya agung dunia sebagai satu pendedahan berguna kepada para pelajar ASK khususnya dan juga khalayak teater di Malaysia umumnya;
- sebagai cabang yang mengarah kepada kelahiran profesional ASK berdasarkan pengalaman mengkaji naskhah dan melaksana produksi seperti yang dilalui dalam proses pembelajaran ini;
- sebagai perintis pementasan yang berterusan terhadap karya-karya agung dunia, sekaligus melahirkan pelajar yang celik karya dan bijak mindanya.

Sinopsis SYAKUNTALA

Kisah Raja Dusyanta yang jatuh cinta kepada seorang pertapa, bernama Syakuntala. Baginda mengambil keputusan untuk mengahwini, walaupun sedar perkahwinan berlainan kasta itu adalah satu kesalahan yang disebut sebagai 'perkahwinan gandrawa'. Mereka akhirnya berkahwin di tempat pertapaan. Setelah Raja Dusyanta memberikan cincinnya kepada Syakuntala, baginda menjadi hilang ingatan. Apabila Syakuntala hamil dan dihantar ke istana, Dusyanta tidak menerima isterinya (tidak mengenalinya). Syakuntala lalu dihalau daripada istana dan dibawa ke kayangan oleh pari-pari.

Raja kemudian menemui kembali cincinnya daripada seorang nelayan (cincin itu telah terjatuh ke dalam sungai dan dimakan oleh ikan yang kemudiannya ditangkap oleh nelayan tersebut) dan ingatannya pulih. Apabila menyedari bahawa sebagai Raja dia harus mempunyai keturunan, Dusyanta dibawa ke kayangan dan di sana dia terjumpa seorang kanak-kanak, yang sebenarnya adalah anaknya sendiri. Dia akhirnya bertemu dengan Syakuntala dan setelah diresuei oleh segala pari-pari, mereka akhirnya hidup kembali sebagai suami isteri, aman bahagia kekal selama-lamanya.

It is a love story of a king, Raja Dusyanta who fell in love with Syakuntala, the daughter of a hermit. Raja Dusyanta decided to wed Syakuntala although he knew that marriage between different castes called 'gandarawa marriage' is very much forbidden.

After presenting a royal ring to Syakuntala, Raja Dusyanta lost his memory. When Syakuntala was brought to the palace he did not recognize her and refused to acknowledge Syakuntala who at that time was with their first child. Heartbroken, she left for the heavens with the fairies.





SYAKUNTALA

On one fine day, a fisherman recovered the royal ring from inside of a fish he caught (apparently the ring fell into the river and was swallowed by the fish). The fisherman succeeded in returning the ring to Raja Dusyanta. Raja Dusyanta's memory returned partially. Raja Dusyanta realised he needed an heir to his throne. He was brought to the heavens where he accidentally met with a young boy not knowing that the child was his very own.



Eventually, Raja Dusyanta met his beautiful Syakuntala. With the blessings of the fairies, they then reconciled and lived happily ever after.



Penulis Skrip: KALIDASA

Penulis drama Sanskrit ini dikatakan hidup antara abad pertama dan kelima Masihi. Beliau menghasilkan tiga buah skrip yang sangat terkenal: **Malavikagnimitra**, sebuah komedi romantik yang penuh dengan unsur-unsur pengembaraan dan penyamaran; **Vikramorvasiya**, sebuah kisah dongeng mengenai bidadari yang jatuh cinta kepada seorang manusia; dan **Syakuntala**. Drama ini dikatakan turut mempengaruhi beberapa karya di Eropah, terutama setelah pementasan pertamanya di sana pada tahun 1789.

*A Sanskrit writer believed to have lived between the 3rd and 5th Century. He is famous for his 3 great works :- **Malavikagminitra**, a romantic comedy full with adventures; **Vikramorvasiya**, a fairytale about an angel falling in love with a mortal, **Syakuntala**. Syakuntala is said to have influenced a number of major plays in Europe, especially after it was first staged in 1789.*





SYAKUNTALA

Pengarah : WISRAN HADI

Dramatis Indonesia ini lahir di Lapai, Padang pada 27 Juli 1945. Beliau dibesarkan dalam lingkungan pendidikan agama dan dipengaruhi oleh kesenian Minangkabau tradisional. Secara formalnya beliau selesai Sekolah Rakyat, Sekolah Menengah Negeri di Padang sebelum memasuki Sekolah Guru Agama di Padang. Bagaimanapun, bakat dan darah seni di jiwanya telah memaksa Wisran melanjutkan pendidikan di Akademi Seni Rupa Indonesia (ASRI), Yogyakarta sehingga tamat pada 1969. Di samping melukis dan membuat pameran lukisan sejak 1967, Wisran mengasah bakatnya yang lain sebagai penulis. Berkat kerajinan dan mutu karya yang dihasilkan, beliau terpilih mengikuti International Writing Program di Iowa, Amerika Syarikat pada 1977. Setahun kemudian mengikuti pula pemerhatian teater moden Amerika di New York dan beberapa kota besar lain. 1986 sekali lagi melakukan kunjungan pemerhatian teater Amerika dan Jepun. Sehingga kini Wisran telah menghasilkan lebih 60 buah drama yang kebanyakannya telah dipentaskan atau diterbitkan. Beliau aktif bersama kumpulan Bumi Teater yang dipimpinnya sejak 1978 di Kota Padang. Telah memenangi kira-kira 14 hadiah dalam pelbagai peraduan menulis drama. Tahun 2000 Wisran terpilih sebagai penulis Indonesia yang memenangi S.E.A. Write Award di Bangkok. Beliau kini merupakan Pensyarah Tamu di Akademi Seni Kebangsaan.

A very well-known Indonesian dramatist, born in Lapai, Padang in 1945. He was brought up in a religious family and was mostly influenced by the arts and culture of Minangkabau. In 1969, he completed his study at the Akademi Seni Rupa Indonesia (ASRI). In between painting and holding art exhibitions he started to write seriously. In 1977, he was selected to participate in the International Writing Program in Iowa, USA and a year later, he toured USA to observe the American Modern theatre in New York and other major American cities. In 1986, he undertook another learning trip to USA and Japan.

Since then, Wisran Hadi has produced 60 plays, all of which have been staged or produced. He is actively involved with the "Bumi Theatre Group", an organization he himself leads. He has won 14 national and international awards the latest being in 2000, when Wisran Hadi became the recipient of the SEA Write Award. The award ceremony was held in Bangkok, Thailand. Wisran Hadi is now a Guest Lecturer in the Theatre Program of Akademi Seni Kebangsaan.



Pelakon SYAKUNTALA

Juhara Ayob - Syakuntala
Berpengalaman dalam teater, drama TV serta filem semenjak tahun 1990 sehinggalah sekarang. Kini beliau merupakan salah seorang tutor sambilan kursus Lakonan di ASK. Anugerah yang pernah diterima oleh beliau ialah sebagai Pelakon Pembantu Wanita Terbaik 2001 di Anugerah Seri Angkasa
"Tuanku bagai sumur tertutup oleh rumput entah siapa pula yang akan menghormati topeng kebjajaan."



HADY TAHIR - Raja Dusyanta

Pengalaman dalam pementasan teater adalah sekitar produksi ASK dan Istana Budaya. Antaranya "TUN PERAK" arahan Dr. Hatta Azad Khan, NYIUR GADING PUNCAK MAHLIGAI arahan Kalam Hamidi, MAK YONG "DEWA MUDA 1" arahan Allahyarhamah Khatijah Awang, "IMBAS" dan "CARI-CARI" arahan Marlia Musa, dan yang terkini ialah "CINDAI" arahan Rohani Yousoff.
"Kata-kata tak cukup. Tuhan telah menciptakannya seindah lukisan. Tak ada cacat celanya, tercipta dari segala yang indah, berharga dan sempurna."



ROSMINAH TAHIR - Ibu Gautami

Seorang penggiat teater yang tidak perlu diperkenalkan lagi. Pernah mengarah beberapa buah teater seperti "ANUGERAH", 'LANTAI T.PINKIE', 'CUCU', 'RADEN GALOH' dan 'MALAM HARAM'. Meskipun sedang berkhidmat di Istana Budaya namun beliau masih mencurahkan ilmu dan baktinya di ASK dengan mengajar anak-anak seni khususnya di bawah Program Teater dalam bidang Pengarahan.
"Bukalah selendangmu anakku."





SYAKUNTALA

ENGKU NORZALIFAH ENGU RASED - Anasuya

Terlibat dengan siri produksi ASK dan produksi-produksi luar ASK sebagai pelakon mahupun tenaga kreatif di balik tabir. Antaranya "I REMEMBER THE REST HOUSE" arahan Dato' Syed Alwi, "MEDEA" arahan Roselina Khir Mohd Johari, "NUR" arahan M. Nasri Ayob dan Bangsawan "SYAMSIR ALAM" arahan Rahman B.

"Tidak hanya andaian saja. Cinta adalah perasaan yang sangat rumit kadang-kadang menyebabkan orang mudah curiga."



MARDIANA ISMAIL - Priyamdawa

Banyak melibatkan diri dalam lakonan sewaktu masih menuntut di ASK selain melaksanakan kerja-kerja pengurusan produksi. Kini merupakan salah seorang tutor sambilan di ASK di bawah Program Teater. Antara produksi yang pernah terlibat ialah "ANUGERAH" arahan Rosminah Tahir, "INKARNASI" arahan Syarul Azlina Sikandar, "SULUH PERABA", "OIII DIATAS SANA", "CINDAI" arahan Rohani Yousoff dan "STORYTELLER"

Anugerah yang pernah diterima oleh beliau ialah sebagai Pelakon Wanita Terbaik PEKAN TEATER 2001 Wilayah Persekutuan melalui teater "NUR" arahan M. Nasri Ayob.

"Tubuhmu semakin membesar itulah puncanya, Syakuntala."



MOHD FAUZI ABDUL RAIS - Badut

Pelajar tahun akhir Program Penulisan ini mula terlibat dengan dunia teater apabila terlibat di dalam siri pementasan Teater Tradisional Bangsawan dan Mak Yong ASK. Pementasan beliau yang pertama adalah melalui bangsawan "ALANG BUANA" arahan Rahman B. Di samping terlibat dengan siri produksi ASK beliau turut membabitkan diri dengan produksi-produksi luar ASK sebagai pelakon mahupun tenaga kreatif di balik tabir. Antaranya "HAMLET" arahan Faridah Merican dan Sobri Tarmizi,

"SITI ZUBAIDAH" arahan Zakaria Ariffin dan terakhir sekali pementasan "NUR" arahan M. Nasri Ayob di dalam PEKAN TEATER 2001 Wilayah Persekutuan. *"Kalau saya disuruh makan saja saya selalu siap sedia. Saya hanya mampu merepek sebegini dan bertahan terus."*



ROSLI MOHD TAIB - Pejabat; Jeneral; Pegawai Istana

Anak seni yang sedang mengikuti Program Teater ASK tahun akhir ini membuat pengkhususan dalam bidang lakonan tidak pernah ketinggalan terlibat di dalam siri produksi ASK seperti Mak Yong dan Bangsawan. Beliau turut terlibat di dalam pelbagai produksi luar seperti "TUN PERAK" arahan Dr. Hatta Azad Khan, "NYIUR GADING PUNCAK MAHLIGAI" arahan Kalam Hamidi, Singapore Festival of Arts, Bengkel Wayang Kulit Sarawak, Bengkel Wayang Kulit Negeri Sembilan, "RAJA MUDA LAK LENG" arahan Engku Noor Malareesa.

"Berburu perkara yang luar biasa cantiknya. Tuanku boleh belajar melihat binatang bertingkah kalau sudah terperangkap dan sesiapa yang tidak bersetuju dengan perburuan dia adalah orang yang bodoh."



SHAHRI NIZAM SHAHRON - Pelonco, Anak Lelaki

Pelajar tahun akhir Program Teater ASK ini sering terlibat di dalam siri produksi ASK.

"Bulan tiba-tiba lenyap ada masa untuk mundur. Kata orang yang paling cemerlang akan jatuh paling rendah. Baiklah aku akan segera memberitahu Kasyapa bahawa masanya untuk berdoa telah tiba."



MUHAMMAD HAFIZ HUSSIN - Kusir Saradwata

Pelajar tahun akhir Program Teater ASK ini sering terlibat di dalam siri produksi ASK. Beliau lebih memberi penumpuan ke arah bidang sinografi.

"Kalau dia isteri Yang mulia, mengapa Yang Mulia tidak mahu menerimanya?"

SHAHILI ABDAN (NAMRON) - Matali

Seorang Pengarah Muda yang berkaliber serta berwawasan yang telah menamatkan pengajian dari ASK dalam tahun 1999. Antara Pengarahan beliau "BANGAU O BANGAU", "JULIUS CAESAR", "GEDEBE", "MISI", "Di PULAU SA DAN DI". Terbaru sekali ialah "PROSES". Namron kini merupakan tutor di ASK didalam kursus Pengarahan dan Lakonan.

" Bukan boleh menghancurkan apa saja yang tidak boleh dihancurkan."





SYAKUNTALA

MOHD SHAHRUL MIZAD ASHARI - Pendeta

Banyak terlibat dalam pembikinan set dan props, serta pengurusan pentas selain daripada melibatkan diri dalam bidang lakonan antaranya ASEAN Monodrama "3LIVES", "KERIS SANG PUTERI" arahan Dato' Rahim Razali, "OEDIPUS", arahan Zahim AIBakri", "PUTERI SADUNG", dan "RADEN GALOH" arahan Rosminah Tahir. Setelah menamatkan pengajian dari ASK, khidmatnya kini diperlukan pula sebagai tutor kursus Set dan Props di bawah Program Teater. *"para cerdik pandai telah meramalkan bahawa, putera Paduka akan lahir dengan tanda bulat pada telapak tangannya. Kalau ada tanda bulat pada telapak tangan bayi itu ambillah perempuan ini sebagai Permaisuri."*



ROSMAN ISHAK - Kasyapa

Lulusan ASK dari Program Teater yang banyak terlibat dengan pengurusan serta rekaan kostum untuk siri produksi ASK serta produksi-produksi luar. Antara penglibatan beliau di dalam lakonan ialah "OEDIPUS" arahan Zahim AIBakri, "LANTAI T. PINKIE" arahan Rosminah Tahir, "CINDAI" arahan Rohani Yousoff, "YANG MENJELMA DAN MENGHILANG" arahan Dr. Anwar Ridwan dan "PENYERAHAN PUTERI" arahan Normah Nordin. Beliau kini merupakan tutor kursus Kostum dan Solekan di bawah Program Teater *"Sekarang baru aku menyedari betapa agungnya cintaku padamu tetapi aku seorang pertapa."*



SHARIFUL AKMA - Sarngarawa, Suara Durwasas

Lulusan ASK yang telah dianugerahkan dengan Anugerah Pelajar Terbaik Program Teater Sesi 1997/1998 ini merupakan seorang pelakon muda yang sangat aktif dengan pementasan yang berbentuk eksperimen. Di samping aktif terlibat di dalam siri produksi ASK beliau turut menerima undangan untuk terlibat dengan produksi yang diarahkan oleh pengarah-pengarah teater tempatan. Antaranya "MEMBER OF THE CLUB" arahan Dato' Syed Alwi dan "ANTARA" arahan Dr. Zainal Latiff. *"Bagus! Kata-kata dari seorang gadis murni, dihina menjadi penuduh dan kata-kata dari seorang penipu yang ulung dianggap suci."*



MARLENNEY DEEN ERWAN - Sanumati

Pelajar Tahun Akhir Program Penulisan. Di samping berpotensi menjadi seorang yang berjaya di dalam bidang penulisan tanahair beliau turut mempunyai bakat besar di dalam bidang lakonan. Terlibat secara aktif di bidang lakonan menerusi siri produksi ASK terutamanya Mak Yung. Antara produksi luar yang beliau terbabit secara langsung ialah "BAGATON", "ANA", "INKARNASI", "LENA & LIJAH" dan "TOK PERAK". *"Tugasku di kayangan sudah selesai dan sudah waktunya untuk aku menyelesaikan perkara ini."*



ARBAIYAH AHMAD NADZRI - Anak Pertapa, Gadis 1

Pelajar Program Teater tahun 1. Mempunyai pengalaman berteaater melalui pembabitan beliau di dalam Kumpulan Artis Muda Istana Budaya dan Kumpulan Tunas Budaya. Pernah memegang watak di dalam teater "LAILA MAJNUN" dan "SITI DI ALAM FANTASI" arahan Aminah Raphor. Beliau pernah menerima undangan berlakon di dalam cerita kanak-kanak terbitan RTM.

"Kata-kata saja tidak ada ertinya, Suwata. Pergilah! Ambillah patung milik Markandeya itu. Ada dalam pondokku. Barangkali dia suka bermain dengannya."

SHARMAINE OTHMAN - Anak Pertapa, Gadis 2

Pelajar Program Teater tahun 1. Mempunyai pengalaman berlakon menerusi drama TV "PI MAI PI MAI TANG TU", "NICK & NINA" dan "ALL MIXED UP" *"Beberapa pepohon terdiri daripada sutera. Sebahagiannya mengeluarkan pewarna kuku dan kelihatan perhiasan-perhiasan ini bergantung di setiap dahan. Ianya seolah dihiasi bidadari."*

SYARAFINA ABDULLAH - Pengawal Wanita; Utusan

Pelajar Program Teater tahun 1. Berpengalaman dalam bidang teater di Kuching, Sarawak. *"Salam dari Bonda Permaisuri, Yang Mulia. Beliau ingin memperingatkan Paduka, bahawa hari puasa kebaktian bagi anak lelaki hanya tinggal empat hari saja lagi, dan Bonda Permaisuri berharap agar Paduka ada di sisi beliau pada hari itu.."*



SYAKUNTALA

PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN

Penaung

YB Dato' Abdul Kadir Haji Sheikh Fadzir
Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan

Penasihat

YM Dato' Tengku Alaudin Tengku Abdul Majid
*Ketua Setiausaha
Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan
Merangkap
Pengerusi Majlis Akademi Seni Kebangsaan*

Penerbit

Norliza Rofli
Pengarah Akademi Seni Kebangsaan

Penasihat Produksi

Zakaria Ariffin
*Ketua Program Teater
Akademi Seni Kebangsaan*

Penyelaras Produksi

Mohd Kamarulzaman Taib

Pengurus Produksi

Mardiana Ismail

Penolong Pengurus Produksi

Azizul Zahid Jamal

Kewangan

Nor Aliza Ahmad • Zailena Mohd Razali • Addly Abdul Karim

Tiket

Addly Abdul Karim • Rohsenai Lizei Nadzir • Hashinah Abdul Karim
• Nor Azimah Yusof

Logistik dan Kebajikan

Zailena Mohd Razali • Zuzairi Othman • Sulaiman Mamat • Azhar Mohamad
• Zamzuriah Zahari • Siti Aida Ayob

Publisiti dan Pemasaran

Norizah Arshad • Melah Khalid • Rozihani Mohamad • Encik Baharuddin
Ramli • Nooraini Harun • Zuzairi Othman • Dayang Siti Hujeimah Abang Julhi

Pembantu Pemasaran

Abdul Sham Abdul Razak • Norhayati Asari • Mohd Azrul Razilah
• Sofyan Mohamad • Rime Nazrin • Mohd Hariry Abdul Jalil
• Zurairi Hanip • Mohd Hafiz Husin

Percetakan

Norizah Arshad • Kamarulzaman Taib • Melah Khalid • Rozihani Mohamad
• Dayang Siti Hujeimah Abang Julhi

Jemputan

Norizah Arshad • Alexander Wong • Melah Khalid • Rozihani Mohamad •
Zurairi othman

PENGURUSAN PANGGUNG

Penyelaras

Norizah Arshad • Melah Khalid • Roslee Ahmad

Pengurus Panggung

Salmah Osman

Penolong Pengurus Panggung

Nooraizan Mamat



SYAKUNTALA

Penyambut Tetamu

Melah Khalid • Roslee Ahmad • Siti Khatijah • Mohd Ya Latip • Siti Rohana Jalil • Wan Norsiah Wan Abdullah • Wan Hazelinda Mohamad • Rasidah Ludin • Zuriah Mohammad • Afni Juliani Mohamad • Amelia Abdul Aziz • Baidah Abu Shaa'id • Ismaliza Ishak • Noorini Rahman • Raja Farah Raja Hadayanin • Nor Hazlinda Haramaini • Noraizam Ghallib • Dayang Siti Hujeimah Abang Julhi

Pameran

Baidah Abu Shaa'id • Ismaliza Ishak • Noorini Rahman • Raja Farah Raja Hadayanin • Zuriah Mohammad • Nor Hazlinda Haramaini • Afni Juliani Mohamad • Noraizam Ghallib • Amelia Abdul Aziz



TENAGA KREATIF

Pengarah

Wisran Hadi

Penolong Pengarah

Shahili Abdan (NAMRON)

Pengarah Artistik

Wisran Hadi

Pengarah Teknikal

Azizul Zahid Jamal

Pengarah Muzik

Ho Kok Keong

Pereka Set

Shahrul Mizad Ashari

Pereka Prop

Baharuddin Baharin Ramli

Pereka Kostum

Rosman Ishak

Pembantu Pereka Kostum

Nor Hidayah Asari • Ami Haryani Abdul Hamid
• Marleeny Deen Erwan

Penataan Cahaya

Sofyan Mohamad

Penataan Audio

Mohd Razif Nizam Abdullah

Koreografer Tari

Mohd Arifwaran Shahrudin • Junainah M Lojong

Tatarias

Juhara Ayob • A . Aris A. Kadir • Yuni Nor Leitey •
Intan Carina Abdul Karim • Afna Juitarina Ali Amberan



SYAKUNTALA

TENAGA TEKNIKAL

Pengurus Pentas

Abdul Sham Abdul Razak

Penolong Pengurus Pentas

Zurairi Hanip

Pembantu Pentas

Azrul Razilah • Azman @ Mohammad Nor bin Muhamuddin • Mohd Khairul Anuar Ramli • Sylvia Ong • Lydia G.J. Kimsin • Mohd Nurul Hazirin • Saifullah Ghazali • Then Su Chew • Intan Rozalina Abd Ghani • Ismadian Ismail • Jezzriq Eddie Kismilardy • Mohd Nizam Abdul Rahman • Nur Diana Abdul Rasid

Dokumentasi

Muhammad Haririy Abdul Jalil • Rime Nazren Abdul Razak

Teknikal

Jali Nazri Jaafar • Wan Mansor Yusof • Juruteknik DBKL

PELAKON

Juhara Ayob

Syakuntala

Mohd Hady Mohd Tahir

Raja Dusyanta

Rosminah Tahir

Ibu Gautami

Engku Norzalifah Engku Rased

Anasuya

Mardiana Ismail

Priyamdawa

Mohd Fauzi Abdul Rais

Badut

Rosli Mohd Taib

Jeneral; Pejabat; Pegawai Istana

Sharil Nizam Shahron

Anak Lelaki; Pelonco

Muhammad Hafiz Hussin

Kusir; Saradwata

Namron

Matali

Shahrul Mizad Ashari

Pendeta

Rosman Ishak

Kasyapa

Arbaiyah Ahmad Nadzri

Gadis 1; Anak Pertapa

Sharmaine Othman

Gadis 2; Anak Pertapa

Marlenney Deen Erwan

Sanumati

Shariful Akma

Sarngarawa; Suara Durwasas

Syarafina Abdullah

Pengawal Wanita; Utusan

PENARI

- Baharuddin Baharin Ramli
- Zamzuriah Zahari
- Intan Carina Abdul Karim
- Mohd Arifwaran Shahaaruddin

PENGARAH MUZIK

Ho Kok Keong
(Bonang)

PEMUZIK

Shahrizan Shamat (Tabla)
Mohd Nizam Abd Rahman (Gendang)
Amira Sariyati Mohd Hatta (Gambang)
Rozilah Abd Rahman (Kenong)
Sue Chew (Demong)
Nurulhuda Abd. Rahman (Gong)
Patrecia Raymond (Saron)
Firdaus Kamal Ridzuan (Saron / Pekin)



SYAKUNTALA

Penghargaan

AKADEMI SENI KEBANGSAAN merakamkan jutaan terima kasih dan penghargaan kepada semua pihak dan individu yang telah membantu melaksanakan kejayaan pementasan SYAKUNTALA .

KEMENTERIAN KEWANGAN

KEMENTERIAN PENERANGAN

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN PELANCONGAN

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

ISTANA BUDAYA

PUSAT PELANCONGAN MALAYSIA

PIHAK MEDIA MASSA

AMPANG PARK • CENTRAL MARKET • CITY SQUARE MANAGEMENT
• SUNGAI WANG PLAZA • BUKIT BINTANG PLAZA • LOT 10
• STARHILL

TENAGA PENGAJAR ASK

MAJLIS PERSATUAN PELAJAR ASK

dan semua yang telah membantu.

T e r i m a k a s i h

AKADEMI SENI KEBANGSAAN

MAJLIS AKADEMI SENI KEBANGSAAN
PENGAL 2001/1003

Pengerusi

Dato' Tengku Alaudin Tengku Abdul Majid
Ketua Setiausaha
Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan

Timbalan Pengerusi

Encik Daing Abdul Rahman bin Daing Ibrahim
Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan)
Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan

Setiausaha

Puan Norliza Rofli
Pengaroh Akademi Seni Kebangsaan

Penolong Setiausaha

Timbalan Pengarah Pengurusan dan Pendaftaran
Akademi Seni Kebangsaan

Timbalan Pengarah Hal Ehwal Pelajar dan Hal Ehwal Akademik
Akademi Seni Kebangsaan

Ahli-ahli Tetap

Dato' Jamaluddin b Ahmad Damanhuri
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam

Tan Sri Samsudin b. Hitam
Ketua Setiausaha
Kementerian Kewangan

Tan Sri Dr. Johari b. Mat
Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan

Ahli-ahli Dilantik

Prof. Diraja Ungku Aziz bin Ungku Abd. Hamid
Prof. Dato' Dr. Wan Hashim Wan Teh
Dato' Dr. Hassan bin Ahmad
Dato' Jins Shamsuddin
Datin Azanin Dato' Ahmad
Prof. Dato' Dr. Ramlah Adam
Dr. Hatta Azad Khan
Encik Mohd Shariff bin Ahmad
Puan Wairah Marzuki

OBJEKTIF AKADEMI SENI KEBANGSAAN

Menyediakan peluang dan ruang kepada penggiat seni untuk mengikuti latihan secara formal dalam bidang seni ke arah melahirkan karyawan dan seniman yang mantap, berilmu dan profesional.

FUNGSI-FUNGSI UTAMA

- Melahirkan golongan karyawan dan artis yang berilmu dan profesional.
- Menambah bilangan penggiat seni yang mampu menjadi pemimpin dan penggerak yang berkesan dalam usaha membangunkan industri kesenian negara.
- Menyediakan bakal pengkaji dan pendidik dalam bidang kesenian.
- Menjadi sumber rujukan dan pusat etnologi seni.
- Menjadi pusat kajian, penyelidikan dan eksperimen seni.



SYAKUNTALA

Akademi Seni Kebangsaan

Jumpa Kami Di Pementasan Akan Datang

Join us in the upcoming programs

17 - 20 Oktober

TEATER ADAPTASI "DEATH OF A SALESMAN"

Tempat : Auditorium Pusat Pelancongan Malaysia, Jalan Ampang

Arahan : Roselina Johari Mohd Khir

Tiket : RM20.00 dan RM10.00

Pelakon : Ahmad Yatim • Rohani Yousoff • Khatijah Tan • Mazlan Tahir • Khir Rahman • Zaini Abu Hassan

Kisah seorang jurujual langsung yang menghadapi kemerosotan perniagaan akibat daripada kemelesetan ekonomi di Amerika Syarikat pada tahun empat puluhan. Jurujual ini, Willy Loman tidak mampu lagi menghadapi tekanan hidup, dalam usahanya menyara keluarga. Setelah segala usahanya untuk memulihkan perniagaan gagal, Willy mengambil keputusan untuk membunuh diri.

A story of an American salesman who faces difficulty due to economic recession. Unable to face the stress and pressure of making ends meet, he decides to commit suicide.

23 - 25 Oktober

TEATER MAK YONG "ANAK RAJA GONDANG"

Tempat : Pusat Pelancongan Malaysia, Jalan Ampang

Arahan : Norzizi Zulkifli

Tiket : 10.00

Pelakon : Juhara Ayob • Mardiana Ismail • Samoza • Eliza Mustafa • Wan Kanari Ibrahim • Roman Ishak • Istina Jafri • Kamarulzaman Taib • Shahrul Mizad Ashaari

27 - 30 Oktober

TEATER BANGSAWAN "TAMING SARI"

Tempat : Auditorium Pusat Pelancongan Malaysia, Jalan Ampang

Arahan : Rahman B

Tiket : RM10.00

Lakonan : Kuswadinata • Ahmad B • Karim Latif • Fadilah Mansor • Mubarak Majid • M. Nasri Ayob

Pementasan Bangsawan oleh Akademi Seni Kebangsaan dengan kerjasama Persatuan Bintang Timur dan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Wilayah Persekutuan.

Sebuah produksi yang mempersembahkan satu lakon-drama bercorak bangsawan dalam penyampaian kisah lagenda sejarah Jebat Menderhaka.

A traditional theatre depicting the legend of Jebat, a warrior during the Malacca Sultanate era.

27 Oktober - 4 November

FESTIVAL WAYANG NUSANTARA

Tempat : Balai Seni Lukis Negara

Masuk Percuma

Pertunjukan Wayang Kulit Siam, Wayang Kulit Melayu, Wayang Kulit Purwa, Wayang Gedek, Wayang Wong, Wayang Golek, Nang Thalung, pameran wayang kulit, demonstrasi pembuatan patung dan alat muzik wayang kulit oleh kumpulan-kumpulan wayang kulit dari Malaysia, Indonesia, Selatan Thailand, Filipina dan Singapura. Sebuah festival anjuran Akademi Seni Kebangsaan dengan kerjasama Balai Seni Lukis Negara.

Performance, demonstration and workshops by wayang kulit groups from Malaysia, Indonesia, Thailand, The Pilippines, Singapore and Southern Thailand.

3 November

SEMINAR WAYANG NUSANTARA "WAYANG DALAM BAYANG"

sempena FESTIVAL WAYANG NUSANTARA

Tempat : Balai Seni Lukis Negara

Yuran penyertaan : RM 50.00 ; RM20.00

Seminar yang bertemakan "WAYANG DALAM BAYANG" yang diadakan bersempena Festival Wayang Nusantara; akan dihadiri oleh pembentang kertas kerja dari Malaysia, Indonesia, USA, dan Filipina. Antaranya ialah:-

Dr. Amin Sweeney • Dr. Patricia Ann Matusky • Dr. Ghulam Sarwar Yousoff • Encik Nik Mustapha Nik Mohd Salleh • Prof. Dr. Mohamed Ghouse Nasruddin • Amihan L. Bonifacio • Encik Ismail Yusof • Drs. Abdul Rahman Al-Ahmadi

12 November - 14 November

FESTIVAL MONODRAMA

Maklumat lanjut akan dimaklumkan kelak.

Detail information will be announced later

